



BAB 2



BAB 2

PERLAKSANAAN PENGAJARAN *TAWHĪD* DI MUAR JOHOR

2.1: Pendahuluan

Naluri kehidupan setiap insan di dunia hari ini berhajatkan kepada suatu pegangan keagamaan yang benar-benar kuat dan mantap. Justeru masing-masing akan berusaha dan berikhtiar sedaya mungkin untuk memenuhi citarasa dan mencapai matlamat tersebut. Proses pengajaran keagamaan terutama yang berkaitan dengan bidang *tawhīd* telah dikenapasti berupaya melahirkan insan-insan yang beriman dan bertakwa seterusnya mampu menghayati ajaran berkenaan secara baik dan berkesan.

Pengajaran *tawhīd* yang dilaksanakan di daerah Muar Johor bahkan di seluruh Malaysia, tidak terkeluar daripada membahaskan persoalan mengenai masalah keesaan Allah s.w.t. Topik perbincangan ini merupakan salah satu daripada agenda terpenting perbahasan mengenai kepercayaan dalam rukun keimanan. Di samping itu topik-topik lain yang dibicarakan oleh generasi sekarang dianggap tidak kurang hebatnya seperti persoalan kerasulan dan kenabian, kitab-kitab, hari kebangkitan, *qada' dan qadar*. Tambahan pula pengajaran *tawhīd* dikenapasti sebagai suatu bidang ilmu Islam yang paling asas dan utama bagi limu-ilmu Islam

lain yang menuntut supaya dihayati secara syumul seterusnya disampaikan kepada masyarakat Islam setempat yang memerlukannya.

Sehubungan dengan itu perlaksanaannya di kebanyakan masjid di Muar telah menjadi pemangkin kepada rangkaian kelas-kelas pengajaran yang lain seperti kuliah *fiqh*, *tafsīr*, *taṣawwūf*, *sirah*, *ḥadīth* dan seumpamanya. Bagi memantau kejituan pelaksanaan pengajaran *tawḥīd* di daerah ini dalam bab kedua akan dibicarakan tentang definisi tajuk kajian dan pendapat ulama', dalil-dalil al-Qur'ān dan al-Ḥadīth yang menggalakkan orang Islam menuntut dan menyebarkan ilmu, carta organisasi pentadbiran masjid daerah Muar dan fungsinya, jumlah penduduk Islam, bilangan masjid yang terlibat, jumlah pengajar, jenis-jenis pengajaran agama yang disampaikan di seluruh masjid dan kesimpulan. Pemaparan kajian seumpama ini diharap dapat memberi kefahaman secara menyeluruh terhadap pelaksanaan pengajaran *tawḥīd* yang sedang beroperasi sekarang.

2.2: Definisi Pengajaran *Tawhīd* Di Masjid-masjid

1. Pengajaran

Menurut *Kamus Dewan* perkataan pengajaran itu memberi pengertian mengenai perihal mengajar iaitu segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar, ia merangkumi cara atau sistem mengajar.¹ Selain daripada itu perkataan pengajaran juga bermaksud iaitu sebuah buku dan seumpamanya yang dibaca dan diterima seterusnya dihafaz lalu difahami bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.²

Menurut Munir al-Ba'albaki perkataan pengajaran itu membawa maksud sesuatu perkara yang berbentuk pelajaran, pesanan, arahan dan perintah, ia seumpama taklimat yang berfungsi untuk menyampaikan mesej.³ Di samping itu rangkai kata pengajaran juga bermaksud memberi taklimat, kefahaman, pendidikan, perintah, pesanan dan petunjuk.⁴

Berdasarkan beberapa definisi pengajaran yang dikemukakan dapatlah dirumuskan bahawa rangkai kata pengajaran memberi pengertian segala bentuk atau proses penyampaian ilmu yang meliputi cara, teknik, kaedah dan sistem pengajaran yang disampaikan atau disalurkan oleh seseorang

¹Noresah Baharom, Dll, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, K.L.: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cet. Ketiga, 1998, h. 18.

²Ānis Ibrahim, Dll, *al-Mu'jam al-Wasīf*, Juz. 1, Qatar: Idārah Ihya' al-Turath al-Islami, 1975, h. 279.

³Munir al-Ba'albaki, *al-Mawrid, A Modern English - Arabic Dictionary*, Bairūt: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn, 1978, h. 471.

⁴Elias A. Elias, *Qamus Ilyas al-'Asri, English - Arabic*, Bairut: Dār al-Jīl, 1979, h. 380.

individu tertentu bagi tujuan untuk diterima, difahami dan dihayati oleh penerima.

2.2.2. Pengertian *Tawhīd*

a. Pengertian Bahasa

Pengertian bahasa perkataan *tawhīd* bermaksud esa atau tunggal.¹ Perkataan *tawhīd* adalah nama terbitan (masdar) berasal daripada perkataan ‘Arab iaitu *wahhada, yuwahhidu, tawhīdan*. Menurut Ibn Manzūr pula perkataan *tawhīd* bererti tunggal atau esa iaitu beriman dengan Allah yang Maha Esa tidak ada sekutu bagi-Nya, Allah s.w.t adalah esa dan memiliki sifat keesaan.²

Perkataan *tawhīd* juga bermaksud keesaan atau ketunggalan Allah s.w.t.³ Menurut *al-Mu’jam al-Wasīf*, *tawhīd* bermaksud beriman dengan Allah s.w.t yang satu tiada sekutu bagi-Nya.⁴ Sementara menurut J. Peter Hobson perkataan *tawhīd* dari segi bahasa bermaksud satu atau tunggal.⁵

Berdasarkan kepada beberapa definisi bahasa yang telah dikemukakan dapatlah dirumuskan bahawa maksud perkataan *tawhīd* itu ialah satu, tunggal dan esa, dengan Allah s.w.t memiliki sifat-sifat keesaan dan menafikan perkongsian kuasa dengan makhluk-makhluk lain.

¹ *Al-Munjid fī al-Lughah*, Bairūt: Dār al-Masyrūq, 1977, h. 890-891. Lihat Al-Rāzī, *Mukhtar al-Sihah*, Bairūt: Dār al-Fikrī, t.t., h. 712.

² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Jld 3, Bairūt: Dār al-Sādir, t.t., h. 450.

³ Noriesah Baharom, *Op cit*, h. 1384.

⁴ Ibrahim Anis, *al-Mu’jam al-Wasīf*, Jld 1-2, al-Qāhirah: 1972, h. 1016.

⁵ J. Peter Hobson, *The Concise Encyclopaedia of Islam*, London: Stacey International, 1989, h. 400.

b. Pengertian Istilah

Menurut istilah, perkataan *tawhīd* bermaksud mengosongkan zat *Ilahiyyah* daripada sebarang bentuk gambaran sama ada khayalan dan sangkaan dalam minda insan.¹ Perkataan *tawhīd* juga bermakna kepercayaan yang jitu dan tidak bercampur aduk ketika beribadat kepada Allah s.w.t, malah ia mutlak dan esa.²

Selain daripada pengertian *tawhīd* di atas ia bermaksud suatu usaha yang pasti untuk menetap keyakinan bahawa yang sebenar disembah hanya Allah s.w.t.³ Al-Jazā'irī menjelaskan bahawa *tawhīd* boleh dimaksudkan menafikan sifat berbilang-bilang, perkongsian kuasa dan persamaan bagi Allah s.w.t.⁴

Berdasarkan kepada huraian tersebut dapatlah dirumuskan bahawa pengertian istilah *tawhīd* adalah suatu usaha untuk menanamkan keyakinan dalam hati dan mengisytiharkan dalam diri bahawa Allah s.w.t

¹ Ibrāhīm Anīs, *Op cit*, h. 1016.

² *Al-Munjid fī al-Lughah*, h. 890-891. Lihat Ibn Manẓūr, *Op cit*, Jld 3, h. 464. Ismail Raji al-Faruqi, *The Cultural Atlas of Islam*, New York: Mac Millan Publishing Company, 1986, h. 73.

³ J. Peter Hobson, *Op cit*, h. 400. Mustafa Haji Daud, *Akidah Mukmin*, K. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1996, h.31. Abd Latif bin Muda, Dll, *Pengantar Ilmu Tawhid*, K.L.: Pustaka Salam, 1998, h. 6-7.

⁴ Al-Jazā'irī, *Aqidah al-Mu'min*, al-Qāhīrah: Dār al-Kutub al-Salafiyyah, t.t., h.66.

itu esa dan mutlak serta terhindar daripada sebarang sifat-sifat persamaan.

c. Pendapat Ulama'

Al-Ghazālī (450H) mendefinisikan perkataan *tawhīd* ialah suatu ilmu untuk menjaga dan mempertahankan *aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* daripada sebarang penyelewengan *Ahl al-Bid'ah*.¹ Al-Syahrastānī (467 - 548H) pula menjelaskan bahawa perkataan *tawhīd* itu lebih banyak ditumpukan kepada perbincangan mengenai keesaan Allah s.w.t.²

Sementara al-Ījī (757H) berpendapat bahawa *tawhīd* ialah suatu ilmu yang membolehkan seseorang itu menetapkan pegangan keimanannya dengan berdasarkan alasan-alasan yang konkrit dan menolak sebarang keraguan terhadap *aqīdah* tersebut.³ Kenyataan al-Ījī turut disokong oleh Tasy Kubrā Zādah (962 H) yang mengatakan bahawa *tawhīd* ialah suatu ilmu yang dapat mensabitkan *aqīdah* seseorang dengan berdasarkan alasan-alasan yang kukuh dan menolak sebarang bentuk *syubhah*.⁴

Selain daripada penjelasan di atas, Muḥammad Abduh (1849-1905M) menyatakan bahawa ilmu *tawhīd* dikenali juga dengan ilmu kalam.

¹ Al-Ghazālī, *al-Munqidh min al-Dalāl*, al-Qāhirah: Maktabah al-Jundi, t.t., h. 6-7.

² Al-Syahrastānī, *al-Milal wa al-Nihal*, al-Qāhirah: Muassasah al-Halaby, 1986, h. 42.

³ Al-Ījī, *Mawāqif fi 'Ilm al-Kalām*, Jld 4, Istanbul: 1286H, h. 16.

⁴ Tasy Kubrā Zādah, *Miftah a-Sa'adah wa al-Misbah al-Siyādah*, Jld 2, al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Ḥadithah, t.t., h. 20-21.

Beliau mendefinisikan ilmu *tawhīd* itu sebagai ilmu yang membahaskan kewujudan Allah s.w.t. yang memiliki sifat yang wajib, sifat yang harus dan sifat-sifat yang mustahil atau tidak dimiliki oleh-Nya. Di samping itu ilmu *tawhīd* juga membahaskan persoalan kerasulan untuk mensabitkan risalah mereka dan segala sifat yang wajib bagi mereka serta segala sifat yang tidak boleh disandarkan kepada mereka.¹

Berdasarkan kepada penjelasan ulama' tersebut dapatlah dirumuskan bahawa perkataan *tawhīd* lebih banyak memberi tumpuan kepada keesaan Ilahi. Intipati perbincangan dalam ilmu *tawhīd* adalah mengenai keesaan Allah s.w.t. Perbahasan mengenainya dianggap sebagai tunjang kepada *ʿaqidah* Islam dan semua agama yang dibawa oleh para rasul Allah.

2.2.3. Pengertian Masjid

a. Pengertian Bahasa

Perkataan Masjid berasal daripada perkataan 'Arab *sajada* (kata perbuatan), *yasjudu, sujudan*. Seterusnya daripada *sajada* ditukar kepada nama tempat menjadi *masjid* yang membawa maksud tempat sujud atau tempat-tempat yang digunakan untuk tujuan beribadat kepada Allah s.w.t.² Menurut al-Rāzī pengertian bahasa perkataan *masjid* itu ialah patuh atau tunduk,³ manakala al-Muqri berpendapat maksud *masjid* itu ialah sebagai

¹ Muhammad ʿAbduh, *Risālah al-Tawhīd*, Miṣr: al-Manār, Cet. 2, h. 4. Lihat Drs. Hj. Syahminan Zaini, *Problematisa Syirik Di Abad Moden*, Jakarta: Kalam Mulia, Cet. Pertama, 1993, h. 25.

² Ibn Manzūr, *Op cit*, Jld 3, h. 187 - 188. Aḥmad Ridḥa, *Muʿjam al-Lughah, Mausūʿat Lughawiyah Ḥadīthah*, Jld 3, Bairūt: Dār Maktabah al-Hayah, 1959, h. 107. Dār al-Masrūq, *al-Munjid al-Lughah wa al-ʿIlām*, Bairūt: Dār al-Masrūq, 1986, h. 321.

³ Al-Rāzī, *Op cit*, h. 289.

tempat sembahyang.¹ Su'ad Mahir mengatakan maksud *masjid* itu ialah tempat sujud kepada Allah s.w.t.²

Berdasarkan pengertian bahasa perkataan *masjid* tersebut dapatlah dirumuskan bahawa ia merujuk kepada maksud patuh, tunduk, tempat sujud bagi umat Islam melakukan salat Jumaat dan ibadat-ibadat lain.

b. Pengertian Istilah

Menurut istilah perkataan *masjid* bermaksud setiap tempat yang digunakan untuk sujud bagi tujuan beribadat kepada Allah s.w.t. sebagai bukti kepatuhan kepada-Nya.³ Ibn Manẓūr mengatakan bahawa *masjid* adalah tempat sujud dengan perlaksanaannya melibatkan anggota badan manusia dan bumi sebagai lambang untuk melahirkan ketaatan.⁴

Al-Syahrāwī memberi pengertian *masjid* itu sebagai tempat yang dikhususkan untuk melakukan ibadat dan tidak digalakkan melakukan aktiviti kehidupan yang lain.⁵ *Masjid* juga bermaksud bangunan khas tempat umat Islam melakukan salat Jumaat dan ibadat-ibadat lain.⁶

¹ Al-Muqri' al-Faiyumi, *al-Miṣbah al-Munir*, Jld 1, Bairūt: al-Maktabah al-Ilmiyyah, t.t., h. 266. J. Peter Hobson, *Op cit*, h. 275.

² Su'ad Mahir Muḥammad, *Masājid Misr wa Auliya'uhā al-Sālihūn*, Jld 1, al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Misr, 1971, h. 17.

³ *Al-Munjid fī al-Lughah*, h. 321.

⁴ Ibn Manẓūr, Jld 3, h. 188.

⁵ Muḥammad al-Dawuri, *al-Masjid fī al-Kitāb wa al-Sunnah wa Aqwāl al-'ulama'*, al-Qāhirah: Dār al-Wafā', Cet. 1, 1986, h. 54.

⁶ Noresah Baharom, *Op cit*, h. 864.

Berdasarkan kepada huraian istilah perkataan *masjid* ia bermaksud suatu tempat atau bangunan yang dikhaskan untuk tujuan beribadat kepada Ilahi sebagai lambang kepatuhan dan ketaatan kepada-Nya.

c. Pendapat Ulama'

Al-Zarkasyī menjelaskan bahawa *masjid* adalah tempat sujud kepada Allah s.w.t. dan setiap tempat yang digunakan untuk tujuan tersebut adalah *masjid*.¹ Pengertian *masjid* ini diperjelaskan lagi oleh Rasūlullāh ṣ.ā.w. sebagaimana yang ditekankan dalam sabda baginda ṣ.ā.w.²

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا

*Maksudnya: telah dijadikan bagiku bumi ini masjid
(tempat sujud) dan keadaannya adalah bersih*

Menurut Su'ād Māhir rangkaikata *masjid* secara asasnya meliputi semua tempat yang digunakan untuk tujuan sujud kepada Allah s.w.t. Oleh itu perkataan *masjid* digunakan secara khusus kepada tempat untuk mendirikan salat lima waktu dan ibadat-ibadat lain. Di samping itu *Masjid Jami'* juga digunakan bagi merujuk kepada *masjid* utama yang

¹ Al-Zarkasyī, *I'lām al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*, al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Miṣr, 1989, h. 26-27.

² Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Jld 1, Bairūt: Dār al-Fikrī, 1981, h. 86.

digunakan untuk mendirikan salat Jumaat dan salat fardu berjemaah.¹

Al-Syahrawī berpendapat semua tempat di muka bumi ini adalah *masjid* (tempat sujud), justeru manusia boleh mengerjakan salat di samping mengerjakan aktiviti kehidupan yang lain.² Sementara menurut Ahmad Syalabi seluruh bumi ini merupakan *masjid* dan tempat ibadat, manakala *masjid* yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. memberi pengertian yang lebih luas iaitu sebagai tempat untuk melakukan ibadat dan tempat pertemuan kaum muslimin.³

Berdasarkan kepada penjelasan definisi daripada ulama' dapatlah disimpulkan bahawa rangkaikata *masjid* membawa pengertian sebagai tempat atau bangunan yang dikhususkan kepada umat Islam untuk melakukan ibadat dan aktiviti-aktiviti keagamaan lain sebagai lambang untuk melahirkan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah s.w.t. Dalam konteks pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid daerah Muar Johor ia bermaksud suatu cara atau kaedah ilmu *tawhīd* diolah, dihurai, dibahas dan dibincangkan seterusnya ilmu berkenaan disampaikan kepada individu tertentu dalam sesuatu majlis ilmu yang diadakan dalam sesebuah masjid untuk tujuan pendedahan, penjelasan, penerimaan dan pemahaman secara langsung. Ilmu *tawhīd* yang diterima secara tidak formal ini

¹ Su'ād Māhir, *Op cit*, h. 17.

² Muḥammad al-Dawūrī, *Op cit*, h. 54.

³ Aḥmad Syalabi, *Mausū'at al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Ḥaḍḥārah al-Islāmīyyah*, Jld 1, al-Qāhirah: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, 1981, h. 246-247.

kemudiannya dihayati oleh individu berkenaan bagi dijadikan pedoman dan panduan ke arah memantapkan lagi pegangan *aqidah* mereka.

2.3: Dalil Yang Menggalakkan Umat Islam

1. Menuntut Ilmu
2. Menyampaikan Ilmu

1. Dalil Menuntut Ilmu

Al-Qur'ān dikatakan menggesa supaya umat Islam mengimarah dan memakmurkan *masjid*. Gambaran kenyataan tersebut berdasarkan firman Allah s.w.t.¹

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى
أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat kepada Allah (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Pemaparan ayat al-Qur'ān tersebut meletakkan asas terpenting bahawa manusia yang beriman sahaja yang menjadi teras utama untuk

¹ Al-Qur'ān, Sūrah al-Tawbah (9): 18.

memakmurkan rumah Allah s.w.t. Justeru adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menuntut ilmu pengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan keagamaan. Hasil daripada gesaan ini telah melonjakkan martabat dan status manusia itu sendiri. Islam tetap mengangkat martabat manusia yang memiliki ilmu pengetahuan ke tahap yang paling tinggi dan mulia berbanding dengan orang-orang yang kurang berilmu dan bermaklumat. Situasi inilah yang digambarkan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya.¹

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ
وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ يَمَّا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ (١١)

Maksudnya: ...Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.

Seterusnya Allah s.w.t membuat perbandingan antara kelebihan orang-orang yang berilmu itu dapat beramal dengan ilmu yang dimilikinya berbeza dengan orang-orang yang tidak berilmu mereka tidak dapat memberi impak kepada orang lain. Kondisi inilah yang ditegaskan oleh

¹ Al-Qur'ān, Sūrah al-Mujādalah, (58): 11.

firman Allah s.w.t.¹

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ

لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَٰئِكَ لَئِيْلَآئِبٍ ﴿١٦﴾

Maksudnya:....Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? " Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Begitu juga Allah s.w.t. menggesa orang-orang yang tidak berilmu supaya belajar kepada orang-orang yang berilmu. Hal ini digambarkan menerusi firman-Nya.²

فَسَبِّحُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٧﴾

¹ Al-Qur'ān, sūrah al-Zumar, (39):9.

² Al-Qur'ān, sūrah al-Nahj, (16):43.

Maksudnya:....Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.

Rasūlullāh ṣ.ā.w. turut menggesa umat Islam supaya menuntut ilmu, malahan baginda ṣ.ā.w memberi jaminan bahawa Allah s.w.t akan memberi kefahaman yang lebih kepada seseorang yang ingin menuntut ilmu yang berkaitan dengan keagamaan. Kenyataan ini ditegaskan melalui sabda baginda ṣ.ā.w.¹

وَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي
الدِّينِ (١) وَإِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ

Maksudnya: Nabi s.a.w bersabda katanya, barangsiapa yang dikehendaki baik oleh Allah maka ia dikurniakan kefahaman iaitu mengenai ilmu pengetahuan keagamaan dan ilmu hanyalah dapat diperolehi dengan belajar.

Berdasarkan kepada maksud al-Qur'ān dan al-Hadīth yang dikemukakan jelas memperlihatkan bahawa kategori orang-orang Islam berilmu itu tetap mendapat penghormatan dan kedudukan istimewa serta tinggi di dalam masyarakat setempat. Hal ini amat berbeza jika dibandingkan dengan kedudukan orang-orang yang tidak berilmu. Sehubungan dengan ini intipati gambaran daripada kedua-dua sumber dalil

¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Juz 1, h. 45.

berkenaan turut merangsang minat orang-orang yang tidak berilmu agar merebut seberapa banyak peluang untuk menuntut ilmu terutama yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam.

2. Dalil Menyampaikan Ilmu

Penghormatan dan pengiktirafan Islam terhadap generasi berilmu tetap utuh dan berterusan. Justeru Islam sebagai agama nasihat yang menuntut generasi berilmu supaya menyampaikan ilmu dengan penuh hikmah. Penyampaian sesuatu ilmu itu adalah bertujuan untuk membolehkan orang-orang Islam lain yang tidak berilmu mempunyai ilmu tersebut. Proses penyampaian sesuatu ilmu itu sering silih berganti daripada satu generasi kepada generasi berikutnya mengikut peredaran masa dan tempat. Dalam konteks menyampaikan ilmu pengetahuan sejajar dengan amalan salih, Allah s.w.t tetap menjanjikan pahala yang setimpal kepada pelakunya, firman-Nya.¹

أُولَئِكَ الَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ فِي أُمِّرٍ قَدْ خَلَتْ
 مِنْ قَبْلِهِمْ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ إِنَّهُمْ كَانُوا خَسِرِينَ ﴿١٨٨﴾

¹ Al-Qur'an, sūrah al-Aḥqāf, (46):18.

Maksudnya: Dan bagi mereka masing-masing (baik puak jin dan manusia yang berbuat baik dan yang berbuat jahat) disediakan berbagai peringkat (balasan) yang sesuai dengan apa yang telah dikerjakan dan (ketetapan yang demikian ialah) supaya Allah menyempurnakan bagi mereka balasan amal-amal mereka, sedang mereka tidak dirugikan.

Dalam situasi yang lain Allah s.w.t mengingatkan umat Islam agar tidak sekali-kali menyembunyikan ilmu yang dimiliki sebaliknya menyebarkan kepada orang yang memerlukan. Perkara ini dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam firman-Nya.¹

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لُبِّيْنَهُ لِلنَّاسِ
وَلَا تَكْمُؤُنَهُ

Maksudnya: Dan ingatlah ketika Allah mengambil perjanjian setia dari orang-orang yang telah diberikan kitab (iaitu): Demi sesungguhnya! Hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada umat manusia dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya”.

Isu menyampaikan ilmu pengetahuan kepada individu yang memerlukan tetap mendapat perhatian sewajarnya daripada Rasulullah s.ā.w. Baginda s.ā.w. menggesa umat Islam supaya menyampaikan ilmu

¹ Al-Qur‘ān, sūrah Ali ‘Imrān, (3): 187.

pengetahuan tersebut kepada orang lain yang memerlukan sebagaimana sabdanya.¹

عن هبيرة ابن عمار أن النبي ﷺ قال
 بِالْمُؤْمِنِ وَلَوْ آيَةً وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا تَحْرَجْ^(٢) وَمَنْ كَذَبَ
 عَلَى مُتَعَمِّدٍ فَلْيَتَّخِذْ مَقْعَهُ مِنَ النَّارِ •

Maksudnya: Dari 'Abdullāh bin 'Umar bahawa Rasūlullāh
 ṣ.ā.w bersabda katanya, hendaklah kamu sampaikan dariku
 walau satu ayat dan tidak berdosa kamu menceritakan
 tentang bani Israil, barang siapa yang berdusta ke atasku
 dengan sengaja maka tempatkanlah ia ke dalam neraka.

¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Juz 4, h.328.

Seterusnya Rasūlullāh ṣ.ā.w menggesa orang-orang Islam supaya menyampaikan ilmu yang dimiliki dengan cara yang paling mudah. Hal ini ditegaskan oleh baginda ṣ.ā.w.¹

عن أنس رضي الله عنه عن النبي صلى الله
عليه وسلم قال يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Maksudnya: Dari Anas bahawa Rasūlullāh ṣ.ā.w. bersabda katanya permudahkanlah dan jangan kamu semua mempersusahkan dan berikanlah kegembiraan dan jangan lah disebabkan kamu semua orang ramai lari.

Intipati maksud ḥadīth di atas jelas menyuruh orang Islam berilmu menyampaikan ilmu pengetahuan terutama *tawḥīd* kepada individu yang memerlukan walaupun sedikit dengan cara yang paling mudah. Kaedah seumpama ini dapat mengikat minat para jemaah daripada meninggalkan majlis ilmu yang sedang dilaksanakan.

Dalam hubungan ini Rasūlullāh ṣ.ā.w. menegaskan bahawa amalan anak Adam akan terputus setelah ia meninggal dunia. Justeru ilmu berfaedah yang disampaikan ketika hidup menjadi penyambung amalan

¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Juz 1, h. 46.

secara berterusan kepada generasi terkemudian. Hal ini dinyatakan oleh Baginda s.a.w.¹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ؛ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ « إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ ^(١) إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ : إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ . أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ . »

Maksudnya: Daripada Abī Hurairah bahawa Rasūlullāh ṣ.ā.w bersabda katanya, apabila manusia itu mati maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang bermunafaat atau anak salih yang sentiasa mendoakannya.

Berpanduan kepada maksud al-Qur'ān dan al-Ḥadīth tersebut jelas menunjukkan bahawa manusia itu tetap mendapat ganjaran pahala yang setimpal mengikut niat dan tahap amalan yang disumbangkan. Pengurniaan ganjaran sesuatu pahala kepada seseorang itu adalah mengikut budibicara dan ketetapan Ilahi. Ia boleh diberi sama ada di dunia mahupun di akhirat. Justeru adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Islam melakukan seberapa banyak amalan salih terutama yang berkaitan dengan pengajaran *tawḥīd* agar khidmat yang disumbangkan itu termasuk dalam senarai orang-orang Islam yang akan menerima ganjaran pahala seperti yang dijanjikan oleh Allah s.w.t.


¹ Muslim, *Sahih*, Jld. 3, h. 1255.

2.4: Carta Pentadbiran Masjid Daerah Muar Dan Fungsinya

Kelancaran pelaksanaan sesuatu aktiviti itu lebih banyak bergantung kepada keutuhan kerangka utama yang ditubuhkan. Oleh itu carta pentadbiran masjid daerah Muar Johor seperti yang digambarkan dalam carta organisasi di bawah merupakan salah satu daripada contoh kerangka yang dimaksudkan.¹ Penubuhan carta pentadbiran masjid daerah Muar seumpama ini ia mampu menyediakan landasan terbaik kepada setiap ahli jawatankuasa (AJK) masjid daerah yang dilantik oleh pihak berkuasa agama Negeri Johor untuk menguruskannya secara baik dan berkesan.

¹ Jabatan Agama Johor, *Panduan Pentadbiran Dan Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Johor Darul Ta'zim*, J. Bahru, Jabatan Agama Johor, 1998, h. 18 - 19.

Carta Organisasi Pentadbiran Masjid Daerah Muar



Berdasarkan kepada carta pentadbiran masjid di atas jelas memperlihatkan bahawa pegawai daerah merangkap pengerusi yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengetuai pentadbiran masjid bagi daerah Muar. Sementara jawatan timbalan pengerusi pula kebiasaannya disandang oleh pegawai tadbir agama daerah iaitu kadi. Perjalanan aktiviti keagamaan di peringkat daerah kebanyakannya disempurnakan oleh pentadbiran pejabat agama daerah berkenaan. Kelancaran perjalanan aktiviti keagamaan ini dibantu oleh tenaga sokongan yang terdiri daripada setiausaha dan dua belas (12) orang ahli jawatankuasa masjid peringkat daerah termasuk seorang wakil wanita dan rakan muda. Kesemua mereka dilantik oleh Jabatan Agama Islam Johor untuk tempoh selama tiga (3) tahun. Setiap ahli jawatankuasa yang dilantik mampu menjalankan tanggungjawab dan tugas masing-masing seperti yang diamanahkan.

2.4.1: Fungsi Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Peringkat Daerah

Antara fungsi atau senarai tugas jawatankuasa pentadbiran masjid peringkat daerah Muar adalah seperti berikut.¹

1. Menyelaraskan aktiviti yang bersifat keagamaan di semua masjid dalam daerah.
2. Melaksanakan perancangan, penyelenggaraan, kegiatan dan pembangunan tanah.

¹ Jabatan Agama Islam Johor, *Ibid*, h. 19.

3. Mencari sumber kewangan, memungut, menerima, menyimpan, mentadbir dan menyelaraskan bantuan kewangan dan sebagainya yang diberi oleh pihak-pihak atau badan-badan daripada luar dan dalam negeri bagi kegiatan pembinaan atau pembaikan masjid atau apa-apa jua aktiviti pengimarahkan masjid dalam daerah.
4. Menggalak dan menyelaraskan aktiviti dakwah dan kemasyarakatan setempat serta berusaha meningkatkan prestasi penghayatan Islam ke tahap yang lebih tinggi.
5. Melaksanakan panduan-panduan dan arahan-arahan jawatankuasa pentadbiran masjid peringkat negeri.
6. Menganjur dan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan di peringkat daerah.
7. Melapor dan mencadangkan perlantikan, penggantungan, penamatan perlantikan ahli jawatankuasa masjid yang melanggar etika yang telah ditetapkan.

Meneliti kepada senarai tugas dan tanggungjawab ahli jawatankuasa pentadbiran masjid peringkat daerah ini jelas menunjukkan bahawa setiap ahli jawatankuasa masjid daerah dan kariah mesti berganding bahu dan tenaga agar semua perancangan yang dirangka dapat disempurnakan secara sepadu. Sistem dan kaedah yang dilaksanakan ini berupaya menjamin kejayaan program pengimarahkan masjid di daerah Muar secara efektif dan sering mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua lapisan umat Islam setempat.

2.5: Jumlah Penduduk Islam Daerah Muar

Sesuatu program keagamaan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa kemajuan sesebuah kampung atau pihak kerajaan itu tidak akan berjaya mencapai matlamatnya jika program tersebut tidak mendapat sambutan yang memuaskan daripada penduduk Islam. Begitu jugalah keadaannya yang berlaku di daerah Muar Johor. Penduduk Islam setiap mukim menjadi parameter khas sama ada program pengajaran keagamaan itu berjaya atau gagal terutama yang berkaitan dengan pengajaran *tawhīd*.

Mengikut data bancian pada tahun 1998 terdapat seramai 210,597 orang Islam yang tinggal di daerah Muar,¹ (Lihat Lampiran 2). Jumlah ini dikira munasabah kerana berdasarkan kutipan zakat fitrah semasa. Data ini dikhususkan untuk orang-orang Islam sahaja tanpa bercampur dengan bangsa-bangsa lain. Sekiranya jumlah ini ditolak sebanyak 35 % yang dianggap sebagai kumpulan kanak-kanak daripada jumlah 210,597 orang penduduk Muar, bakinya 65 % atau 136,888 orang Islam yang masih mempunyai tanggungjawab untuk menyokong perjalanan program pengimaran masjid yang dilaksanakan di daerah ini setiap hari, minggu dan bulan.

¹ Sumber data ini diperolehi menerusi penyata kutipan zakat fitrah Daerah Muar bagi tahun 1998/1418H.

2.6: Bilangan Masjid Yang Terlibat

Dalam daerah Muar terdapat 145 buah masjid, dua buah daripadanya adalah masjid kerajaan iaitu Masjid Sultan Ibrahim terletak di bandar Maharani dan Masjid Jami' Tangkak Muar Johor, manakala yang bakinya adalah masjid kariah. Menurut Hj Abu Hanifah Ishak, Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah Muar, daripada jumlah tersebut hanya empat buah masjid sahaja yang tidak boleh mendirikan salat Jumaat kerana tidak cukup bilangan 40 orang jemaah. Masjid berkenaan ialah,¹

1. Masjid Melepong, Gersik Muar.
2. Masjid Markas Polis Hutan Bakri Muar.
3. Masjid Tanjung Selabu Bukit Pasir Muar.
4. Masjid Parit Tengah Muar.

Walaupun keempat-empat masjid ini tidak dapat mendirikan salat Jumaat, namun ia tidak bermakna aktiviti-aktiviti pengajaran keagamaan turut dibekukan. Di daerah Muar sahaja terdapat sembilan puluh satu (91) buah masjid atau 62.75 % yang terlibat dengan pengajaran *tawhīd* (senarai nama masjid yang terlibat dengan pengajaran *tawhīd* seperti lampiran 3). Namun begitu hanya tiga puluh lima (35) buah masjid sahaja atau 38.46% daripadanya telah dibuat sampel kajian bagi mewakili populasi jumlah keseluruhan masjid yang dikaji sebagaimana telah dinyatakan dalam bab 1

¹ Wawancara Penulis dengan beliau di Pejabat Kadi Muar Johor pada 15.9.1998.

perkara 1.6 terdahulu. Kepesatan aktiviti pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid telah berjaya menyuntik semangat orang Islam setempat seterusnya menyerlahkan sambutan mereka untuk menyokong program memakmurkan masjid sejajar dengan tuntutan al-Qur'ān.

2.7: Tenaga Pengajar *Tawhīd*

Pengajar telah memberi sumbangan yang cukup besar ke arah merealisasikan program pengajaran *tawhīd* di Muar. Seramai 138 orang pengajar yang terdiri daripada lelaki dan perempuan telah dilantik oleh Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) untuk mengajar subjek-subjek agama tertentu seperti yang ditetapkan. Pemilihan pengajar dibuat melalui proses temuduga mengikut bidang yang mereka minati. Tenaga pengajar yang berjaya akan diberi surat tauliah,¹ (Contoh surat tauliah seperti di lampiran 4). Dengan perantaraan ini pengajar bebas untuk mengajar di mana-mana juga kawasan dalam negeri Johor. Di Muar terdapat seramai 79 orang pengajar atau 57.25 % yang terlibat secara langsung mengendalikan pengajaran *tawhīd*. Dalam konteks kajian ini cuma 35 orang pengajar sahaja atau 44.3%, iaitu 31 orang lelaki dan 4 orang perempuan yang mewakili jumlah keseluruhan pengajar yang terlibat dalam pengajaran yang dimaksudkan, (senarai nama pengajar yang dibuat sampel kajian seperti di lampiran 5).

¹ Tauliah ialah surat perantaraan atau surat kuasa bagi memberi kebenaran kepada pengajar untuk menyampaikan sesuatu pengajaran mengikut bidang yang telah ditentukan.

2.8: Jenis-Jenis Pengajaran Yang Disampaikan Di Masjid-Masjid

Penggunaan sesebuah masjid itu mempunyai pelbagai fungsi. Namun begitu terdapat segelintir orang Islam hari ini telah cuba menyempitkan peranan sesebuah masjid bagi melaksanakan pelbagai aktiviti secara menyeluruh. Agama Islam sebenarnya telah memperluaskan dan memperkembangkan peranan institusi masjid. Ia bukan lagi digunakan setakat menjadi tempat untuk melaksanakan ibadat khusus semata-mata tetapi lebih daripada itu. Sebagai contoh tidak ramai orang Islam yang menggunakan masjid untuk tujuan menyempurnakan majlis pernikahan, muamalat, pentadbiran negara, kursus-kursus pembangunan insan, penyelenggaraan jenazah dan seumpamanya. Apa yang nyata majoriti penggunaannya masih tertumpu untuk melaksanakan ibadat khusus iaitu salat lima waktu berbanding ibadat umum. Salat sunat dua hari raya, ceramah bersempena hari kebesaran Islam, kursus haji, kursus perkahwinan dan salat tarawikh adalah dianggap kegiatan bermusim. Hanya terdapat sedikit sahaja program-program seperti kelas bimbingan al-Qur'an dan kelas-kelas pengajaran agama diadakan di masjid-masjid.

Di Muar Johor terdapat enam (6) jenis pengajaran yang disampaikan di masjid-masjid. Di antara jenis pengajaran agama yang disampaikan adalah dalam bidang *tawhīd*, *fiqh*, *tafsīr*, *taṣawwuf*, *ḥadīth* dan *al-Qur'ān*,

manakala kegiatan agama sampingan turut diadakan oleh ahli jawatankuasa masjid ialah kelas berzanji, nasyid, marhaban, zikir, munajat dan seumpamanya. Kebanyakan kegiatan tersebut sentiasa dikunjungi oleh kaum lelaki dan perempuan mengikut kegemaran masing-masing. Pengajaran *tawhīd*, *fiqh*, *ḥadīth*, *taṣawwūf*, *tafsīr*, dan *al-Qur'ān* juga turut mendapat sambutan daripada pengunjung dan anak kariah. Justeru setiap jenis pengajaran yang disampaikan tetap mempunyai daya tarikan tersendiri daripada para pengunjung. Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa selagi ada pengajar yang sanggup mencurahkan bakti dan ilmu mereka selagi itulah perjalanan program pengimaran masjid tetap berkembang.

2.9: Kesimpulan

Berdasarkan kepada penjelasan dan keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran *tawhīd* tetap dilaksanakan dalam daerah Muar Johor selagi bidang ini mendapat permintaan dan penawaran daripada masyarakat setempat. Pelaksanaan penyampaian *tawhīd* dibuat secara percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran. Justeru kejayaan dan kecemerlangan pengajaran ini lebih banyak bergantung kepada pendekatan sedalu yang digunakan oleh pengajar semasa menyampaikan pengajaran mereka. Kepelbagaian teknik huraian dengan ditokok kupasan yang menarik dan penyampaian yang menghiburkan serta berkesan telah berjaya mendominasi keceriaan pengajaran *tawhīd* setiap kali ia diadakan.

Lantaran itu penyerlahan program pengajaran ini terbukti dengan adanya faktor pengukuhan seperti minat dan dorongan kuat daripada kalangan jemaah untuk memperdalam pengajaran *tawhīd* turut menyemarakkan lagi program pengimarahannya yang sedang beroperasi di daerah ini.

Pelbagai jenis pengajaran agama yang didedahkan kepada jemaah turut mewarnai seterusnya menyediakan peluang semaksimum mungkin kepada jemaah untuk menimba sebanyak ilmu Islam bagi menjadikan diri mereka seorang muslim yang benar-benar kental keimanan dan kuat *aqīdah*nya. Kesebatian sifat-sifat seumpama ini ke dalam diri mereka menyukarkan sebarang bentuk unsur-unsur negatif dan menyeleweng untuk menguasai mereka. Sebenarnya pengajaran *tawhīd* yang diadakan di masjid-masjid telah banyak memberi impak positif kepada penduduk Islam setempat. Persoalannya sekarang terpulanglah kepada penduduk Islam di Muar Johor menggunakan kesempatan dan peluang bagi mempelajari *tawhīd* secara berkesan untuk faedah diri dan keluarga mereka sendiri.